



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR**

NAMA KURSUS : ETIKA PROFESIONAL
KOD KURSUS : MPU2223
PEPERIKSAAN : OKTOBER 2018
MASA : 3 JAM

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian: BAHAGIAN A (20 Markah)
BAHAGIAN B (50 Markah)
BAHAGIAN C (30 Markah)

2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.

3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 8 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

BAHAGIAN A

Baca petikan di bawah dan jawab semua soalan berikutnya di dalam buku jawapan.

TANPA GURU SIAPALAH KITA?

Guru merupakan individu yang paling berpengaruh dan dihormati dalam kalangan masyarakat Malaysia pada suatu masa dahulu. Kerjaya ini dipandang tinggi dan individu yang bergelar guru diibaratkan sebagai golongan cerdik pandai. Bukan itu sahaja, masyarakat setempat juga menyambut dan menerima baik kepemimpinan mereka, terutamanya guru yang menetap di kawasan kampung.

Namun demikian, situasi yang berlaku pada hari ini adalah sebaliknya. Profesion yang menjadi sanjungan masyarakat semakin terhakis kehormatannya oleh masyarakat. Sebagai buktinya, sudah acap kali kita dapat melihat tajuk di helaian akhbar tempatan yang memaparkan guru disaman, dipukul, diserang dan sebagainya. Mungkinkah masyarakat kini tidak lagi diasuh dengan adab menuntut ilmu seperti masyarakat dahulu?

Kemajuan negara bergantung pada ilmu yang dimiliki oleh bangsanya, seperti yang berlaku di Jepun. Menurut ahli sosiologi Ezra Vogel dalam bukunya *Japan as Number 1: Lesson for America*, satu daripada faktor terpenting kejayaan bangsa Jepun ialah komitmen mereka yang begitu mendalam terhadap ilmu dan maklumat. Islam sendiri bukan sahaja telah meletakkan ilmu pengetahuan di tahap yang tinggi, tetapi juga menganjurkan umatnya untuk sentiasa mementingkan ilmu pengetahuan.

Pendidikan merupakan proses penyampaian ilmu pengetahuan dan kemahiran yang diperturunkan daripada generasi kepada generasi. Institusi pendidikan memainkan peranan yang sangat penting dalam pembentukan keperibadian individu dan pembangunan negara. Kelemahan institusi tersebut boleh mengakibatkan bangsa tersebut hilang identiti dan keistimewaannya. Guru merupakan tunjang sistem pendidikan formal kerana mereka bertindak sebagai pelaksana segala dasar dan matlamat kurikulum yang digariskan oleh kerajaan.

Tugas guru bukanlah mudah dan bukan semua orang mampu untuk menggalas tanggungjawab tersebut. Dalam era globalisasi ini, pengorbanan dan komitmen yang padu daripada guru dituntut bagi mendidik anak bangsa agar menjadi insan yang cemerlang, berwibawa dan berakhlak mulia. Pada asasnya

tugas utama guru ialah mengajar dan mendidik pelajar agar menjadi insan yang syumul selain memberikan ilmu selaras dengan Falsafah Pendidikan Negara.

Di sekolah, guru berperanan untuk membawa perubahan dalam masyarakat melalui ilmu dan pengetahuan dalam sesi pelajaran dan pembelajaran. Melalui sesi ini guru dan pelajar akan melalui proses penyampaian ilmu pengetahuan, maklumat dan kemahiran, iaitu proses belajar dan mengajar. Proses tersebut sudah semestinya mempunyai garis panduan untuk diikuti oleh kedua-dua pihak yang terlibat, baik yang mengajar mahupun yang belajar.

Kita sewajarnya memberikan penghormatan yang tinggi kepada guru. Bukan agama Islam sahaja yang memuliakan orang berilmu atau guru, tetapi agama lain juga meletakkan taraf yang tinggi kepada guru.

Sikap dan budaya saling menghormati merupakan kewajiban bagi setiap insan di dunia. Apatah lagi kewajiban sebagai murid untuk menghormati guru kerana kedudukan guru sangat mulia dalam hidup kita. Jasa guru yang sabar serta setia mencurahkan bakti mengajar menjadikan kita seperti hari ini. Hasnah Ismail Adab dalam tulisannya, "Tuntut Ilmu Mendapat Berkah", menyarankan murid agar meninggalkan pangkat dan darjat yang membalutinya, menyelimuti diri dengan kemuliaan dan bersabarlah ketika berhadapan guru kerana kesabaran dan rasa hormat itulah yang mendatangkan keberkatan ilmu.

Anak kecil sebenarnya telah dilatih dengan langkah menuntut ilmu sejak kecil, terutamanya adab menghormati guru. Para pelajar akan berdiri dan memberikan salam atau ucapan sejahtera kepada guru apabila mereka melangkah masuk ke bilik darjah dan akan mengucapkan terima kasih selepas sesi pelajaran berakhir. Namun demikian, amalan ini terhenti apabila kita melangkah ke peringkat pengajian yang lebih tinggi. Penuntut institusi pengajian tinggi (IPT) bukan sahaja tidak lagi mengamalkan budaya ini, sebaliknya mereka mula naik tolang apabila sambil lewa hadir lewat ke kuliah sehingga mengganggu sesi pembelajaran pada masa itu. Bukan itu sahaja, ada mahasiswa yang gagal mengikut masa perundingan luar kuliah yang ditetapkan oleh pensyarah sehingga mereka tanpa sedar mencuri masa pensyarah yang sedang berehat.

Para pelajar hari ini juga semakin biadab apabila sewenang-wenangnya memberikan gelaran kepada guru yang kurang digemari. Keberkatan ilmu bergantung pada amalan kerana jika hanya menuntut tetapi tidak beramal, hal ini boleh menghilangkan keberkatan sesuatu ilmu yang dipelajari. Kebanyakan pelajar

pada hari ini menuntut ilmu sekadar untuk lulus peperiksaan semata-mata demi mengejar gelaran dan pangkat yang lebih tinggi tanpa mencintai ilmu tersebut terlebih dahulu. Menuntut ilmu tanpa keseronokan dan keikhlasan akan menyebabkan ilmu tersebut hilang sebaik-baik sahaja mereka memuntahkannya dalam kertas peperiksaan.

Pelajar hari ini dilihat terlalu diberi muka dan dimanjakan oleh ibu bapa sehingga mereka naik tocang dengan insan yang mencurahkan ilmu buat mereka. Pelajar seharusnya menjaga batas tingkah laku dengan guru dan bukannya hanya menganggap guru sebagai individu yang dibayar gaji untuk mengajar mereka berdasarkan sukatan mata pelajaran yang ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran.

Sebagai kesimpulannya, guru merupakan ibu bapa kedua pelajar kerana ada waktunya masa kita banyak dihabiskan bersama-sama mereka berbanding dengan ibu bapa kita sendiri dan mereka wajar dihormati selayaknya. Keberkatan ilmu seseorang akan hilang jika tidak menghormati guru yang mengajarkan ilmu tersebut. Guru tidak diminta segala jasanya dibalas, tetapi cukuplah sekadar dihormati dan diingati tatkala kita berjaya dalam hidup dengan bekalan ilmu yang diajarkannya. Tanpa guru, siapalah kita?

1. Apakah **dua(2)** tanggungjawab pelajar semasa menuntut ilmu?
(2 Markah)
 2. Nyatakan **lima(5)** kod etika seorang guru.
(5 Markah)
 3. Huraikan **tiga(3)** daripada peranan guru dalam melestarikan pendidikan abad ke-21.
(3 Markah)
 4. Sejak akhir-akhir ini terdapat hubungan guru dan ibu bapa yang kurang harmoni. Sekiranya anda berada pada pihak ibu bapa, bincangkan **lima(5)** langkah yang boleh diambil bagi memastikan hubungan guru dan ibu bapa kembali harmoni dan anak-anak dapat menimba ilmu dengan sewajarnya.
(10 Markah)
- [20 MARKAH]

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **lima (5)** soalan.

Jawab **semua** soalan. Tulis jawapan anda dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

Meniup wisel sering menimbulkan perdebatan dalam kalangan profesional.

- i. Apakah maksud "Meniup Wisel"?
(2 Markah)
- ii. Senaraikan **empat(4)** ciri utama perbuatan meniup wisel.
(4 Markah)
- iii. Bincangkan mana-mana **dua(2)** daripada prosedur meniup wisel.
(4 Markah)

SOALAN 2

Secara tradisinya golongan profesional tidak digalakkan atau dihadkan untuk membuat publisiti perkhidmatannya melalui iklan atau melakukan amalan runding cara terhadap bakal kliennya. Tanggungjawab utama golongan profesional adalah memberikan perkhidmatan dan bukannya mencari keuntungan.

- i. Terangkan **tiga(3)** sebab keburukan mengiklankan perkhidmatan golongan profesional.
(6 Markah)
- ii. Nyatakan **dua(2)** masalah etika yang berlaku dalam amalan runding cara.
(4 Markah)

SOALAN 3

Etika kerja dalam perkhidmatan awam merupakan prinsip-prinsip moral yang telah ditetapkan oleh institusi kerajaan dengan tujuan mengawal tingkah laku anggota-anggota, demi memastikan tingkah laku mereka tidak bercanggah dengan sistem nilai organisasi berkenaan.

- i. Senaraikan **empat(4)** prinsip utama Etika Kerja Perkhidmatan Awam.
(4 Markah)
- ii. Huraikan **tiga(3)** daripada teras dalam perkhidmatan awam.
(6 Markah)

SOALAN 4

Isu pelanggaran etika bukan sahaja merupakan isu individu atau isu masyarakat tetapi juga isu negara. Sejak akhir-akhir ini gejala pelanggaran etika ini bukan sahaja dilakukan oleh masyarakat awam tetapi juga oleh golongan profesional

- i. Apakah maksud etika?
(2 Markah)
- ii. Berikan **dua(2)** sebab golongan profesional perlu mematuhi etika dalam menjalankan tanggungjawab mereka.
(2 Markah)
- iii. Huraikan **tiga(3)** langkah yang boleh diambil bagi membendung masalah pelanggaran etika dalam kalangan profesional.
(6 Markah)

SOALAN 5

Etika profesional merupakan nilai yang khusus bagi golongan profesional.

- i. Nyatakan **dua(2)** daripada fungsi nilai.

(4 Markah)

- ii. Jelaskan maksud nilai yang berikut berserta contoh:

- a. Standard
- b. Prinsip
- c. Peraturan

(6 Markah)

[50 MARKAH]

BAHAGIAN C

Bahagian ini mengandungi satu(1) soalan sahaja. Tulis jawapan anda pada kertas jawapan.

Pihak kerajaan telah memansuhkan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST). Namun demikian didapati harga barang keperluan masih tinggi di pasaran. Pada pendapat anda sejauh manakah peniaga mematuhi etika perniagaan yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan? Cadangkan langkah-langkah yang boleh diambil terhadap peniaga yang melanggar etika.

[30 MARKAH]

KERTAS SOALAN TAMAT